

28/07/1997

PM ziarah abang, kakak

ALOR STAR, Ahad - Perdana Menteri hari ini menziarahi abang dan kakaknya yang dirawat di hospital, Pusat Pakar Utara (PPU) di sini kerana sakit tua.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ditemani Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali meluangkan masa sejam bersama Mashahor Mohamad Iskandar, 73, dan Habsah, 76, yang dirawat di sebuah wad di hospital terbabit.

Dr Mahathir yang tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, dekat sini kira-kira jam 11.50 pagi disambut Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid serta isterinya, Datin Seri Nila Inangda Manyam Keumala dan ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco).

(END)